



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

GABUNGAN PETA PEMIKIRAN I-THINK DAN APLIKASI QUIZIZZ DALAM PDPR
[COMBINATION OF I-THINK THINKING MAP AND QUIZIZZ APPLICATION IN PDPR]

ROSLAN AB RAHMAN^{1*}
MUSTAFA CHE OMAR¹
ROSELIZAM DAUD¹

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: roslana@unisza.edu.my

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Ez i-Think merupakan satu teknik pengajaran yang menggabungkan peta pemikiran i-Think dengan aplikasi Quizizz dan Google Classroom. Pembelajaran Abad ke-21 amat menekankan teknik pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menggunakan teknologi digital. Selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dalam Gelombang ketiga iaitu meningkatkan inovasi dalam kalangan guru, maka ez i-Think menjadi idea kepada penggunaan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran dan pembelajaran secara online mahupun offline. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif jenis tinjauan. Data dianalisis daripada sampel soal selidik yang diadaptasi daripada Davis F.D (1989). Sampel kajian terdiri daripada 41 orang murid Tingkatan Dua di SM Sains Sultan Mahmud yang dipilih secara rawak daripada jumlah populasi seramai 112 orang. Analisis deskriptif yang digunakan ialah peratus, min dan sisihan piawai. Manakala analisis inferensi menggunakan ujian-T. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kebolegunaan dan kemudahan terhadap pelaksanaan ez i-Think adalah berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini juga mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam kebolegunaan dan kemudahan dari aspek jantina. Hasil kajian ini dapat menjadi panduan kepada pihak sekolah dan KPM untuk meningkatkan penggunaan peta pemikiran i-Think agar seiring dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Kata kunci: Peta Pemikiran i-Think, Kebolegunaan, Kemudahan dan Quizizz

Abstract

Ez i-Think is a teaching technique that combines i-Think mind maps with Quizizz and Google Classroom applications. 21st Century Learning places great emphasis on teaching and learning techniques that use digital technology. In line with the intention of the Malaysian Education Development Plan in the third wave, which is to increase innovation among teachers, ez i-Think is an idea for the use of i-Think mind maps in online and offline teaching and learning. The design

of this study uses a survey method type quantitative approach. Data were analyzed from a sample of questionnaires adapted from Davis. The study sample consisted of 41 Form Two students at SM Sains Sultan Mahmud who were randomly selected from a total population of 112 people. The descriptive analyzes used were percentage, mean and standard deviation. Whereas inferential analysis using T-test. The findings show that the level of usability and usability of the implementation of ez i-Think is at a high level. The study also found that there were no significant differences in usability and usability from the aspect of gender. The results of this study can be a guide to schools and MOE to increase the use of i-Think mind maps in line with the aspirations of the Malaysian Education Development Plan 2013-2025.

Keywords: *i-Think Mind Map, Usability, Usability and Quizizz*

Cite as: Roslan Ab Rahman, Mustafa Che Omar & Roselizam Daud 2022. Gabungan Peta Pemikiran I-Think dan Aplokasi Quizizz Dalam PDPR [Combination of I-Think Thinking Map and Quizizz Application in PDPR]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 14-24.

PENGENALAN

Ez i-Think adalah gabungan dua teknik pengajaran iaitu peta pemikiran i-Think dan Quizizz yang telah dibangunkan untuk meningkatkan kemahiran murid belajar. Peta pemikiran i-Think mula diperkenalkan kepada semua sekolah pada tahun 2012 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). Setelah hampir sembilan tahun pelaksanaannya, pemikiran i-Think terbukti mampu membantu pencapaian murid dalam pelajaran. Guru juga mendapat kelebihan apabila menggunakan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran. Murid lebih teruja dan seronok apabila menggunakan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, pengkaji telah melaksanakan ez i-Think dalam aplikasi Quizizz bagi membantu murid lebih mudah mengingat fakta penting.

Penularan pandemik Covid-19 juga menjadi pencetus idea kepada penggunaan ez i-Think. Ini adalah kerana sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semua sekolah diarahkan tutup demi menangani penularan virus covid 19. Pengajaran dan pembelajaran juga telah mengalami perubahan dan norma baharu. Justeru, dengan menggunakan ez i-Think, guru masih mampu menggunakan peta pemikiran i-Think walaupun secara online dan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Justeru, guru perlu mencari pendekatan pengajaran yang sesuai dengan norma baharu bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran tetap dijalankan walaupun dalam norma baru.

TINJAUAN LITERATUR

Lantaran penutupan sekolah sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 hingga 3.0 di Malaysia, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah bertukar kepada sesuatu yang bukan baharu tetapi mula dilihat sebagai pilihan yang tepat pada ketika ini iaitu pembelajaran secara maya berkonsepkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Ia adalah sejajar dengan saranan Kerajaan Malaysia ke arah kehidupan secara kebiasaan baharu. Kelas-kelas maya telah

mula dipraktikkan oleh para guru di sekolah bagi memastikan murid masih boleh menjalani proses PdP. Di sini, pembelajaran secara ez i-Think yang menggunakan aplikasi Quizizz boleh diguna pakai ke arah pembelajaran akademik secara maya dengan lebih interaktif dan efektif.

Normah Zakaria, Azita Ali, Nur Izeanty Hamidon et al., (2018) menyatakan bahawa dengan penggunaan peta pemikiran i-Think, pencapaian murid telah mengalami perubahan ke arah positif. Peningkatan markah yang berlaku menunjukkan bahawa penggunaan i-Think sebagai satu kaedah pengajaran yang amat sesuai dipraktikkan dalam kalangan guru. Kajian oleh Salina Md. Yunas dan Zamri Mahamod (2017) juga menyatakan bahawa wujudnya hubungan antara kesediaan, sikap dan amalan guru dengan pengalaman mengajar dalam penggunaan peta pemikiran i-Think. Ini menunjukkan bahawa guru perlu mempertingkatkan kesediaan, pengetahuan dan amalan mereka tentang penggunaan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran bahasa Melayu.

Rosnidar Mansor et al. (2015) juga menyatakan bahawa dengan menggunakan peta pemikiran i-Think murid mampu menguasai pelajaran dengan lebih jelas dan secara tidak langsung dapat menarik minat murid untuk belajar dan meningkatkan pencapaian mereka. Kajian ini juga membina modul peta pemikiran i-Think, hasil kajian mendapati bahawa modul peta pemikiran i-Think penting sebagai rujukan dan panduan bagi memudahkan guru menggunakannya di dalam bilik darjah. Di samping itu, pembangunan modul ini juga terbukti mampu meningkatkan tahap kemahiran berfikir.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, kajian ini mendapati bahawa peta pemikiran i-Think terbukti mampu meningkatkan kemahiran murid, menarik minat dan meningkatkan penguasaan murid dalam pelajaran. Namun begitu kebanyakan penggunaan peta pemikiran i-Think menggunakan pengajaran secara bersemuka manakala kajian ini menggunakan pendekatan pengajaran secara online iaitu pembelajaran secara modul dan juga projek. Kajian ini bertujuan mengkaji tahap kebolegunaan dan kemudahan ez i-Think dengan menggunakan aplikasi Quizizz terhadap pengajaran dan pembelajaran di rumah. Secara khusus kajian ini bertujuan mengenal pasti:

- i. Tahap kebolegunaan ez i-Think semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah.
- ii. Tahap kemudahan ez i-Think semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah.
- iii. Perbezaan konstruk kebolegunaan dan kemudahan ez i-Think berdasarkan faktor jantina.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan sebagai reka bentuk kajian. Menurut Mohd (Mohd Majid, 2005), kaedah penyelidikan kuantitatif lebih sesuai digunakan kerana kaedah ini menerangkan sesuatu fenomena dalam bentuk angka dan ukuran. Kaedah tinjauan dipilih kerana sesuai untuk ditadbir ke atas sampel dalam masa yang terhad. Selain itu, reka bentuk kajian ini tidak mengganggu guru untuk melakukan tugas seharian mereka. Reka bentuk kajian ini menggunakan instrumen berbentuk soal selidik sebagai alat kajian bertujuan untuk memperoleh data dalam bentuk ukuran kuantitatif. Kajian ini menggunakan soal selidik yang telah diadaptasi daripada Davis (1989).

Sampel kajian ini melibatkan seramai 41 murid di SM Sains Sultan Mahmud. Satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada murid-murid secara rawak. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Versi 25.0 dengan menggunakan statistik deskriptif seperti min, peratusan dan beberapa Ujian-t. Skala interpretasi yang digunakan bagi min dalam kajian ini bagi menentukan tahap kebolegunaan, kemudahgunaan, sikap dan penggunaan ez i-Think berdasarkan konstruk ke atas sampel kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1 berikut:

Jadual 1.1: Skor Min Tahap Kebolegunaan, Kemudahgunaan dan Penggunaan Ez i-Think

Bil.	Nilai Skor Min	Tahap
1	1.00 – 2.37	Rendah
2	2.38 – 3.67	Sederhana
3	3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri, 2010

Skala interpretasi min ini adalah berpandukan skala yang telah ditetapkan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu dalam kajian yang telah dijalankan. Skala seperti Jadual 1 telah digunakan oleh Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri (2010) dalam kajian yang telah dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Deskriptif

Analisis demografi responden menunjukkan sejumlah 41 orang responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 31 orang lelaki (30.1%) dan 72 orang perempuan (69.9%). Ini dapat dirujuk dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2: Pembahagian Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	18	43.9
Perempuan	23	56.1
Jumlah	41	100.0

Tahap Kebolegunaan Ez i-Think Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah

Berdasarkan bilangan sampel 41 orang, Jadual 1.3 menunjukkan nilai purata dan sisihan piawai untuk analisis deskriptif ke atas tujuh item bagi mengukur tahap kebolegunaan ez i-Think dalam kalangan murid. Berdasarkan konstruk kebolegunaan terhadap ez i-Think dalam jadual 1.3 di bawah, analisis deskriptif menunjukkan tujuh item kebolegunaan ez i-Think berada di tahap yang tinggi.

Jadual 1.3: Tahap Kebolehgunaan ez i-Think

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think dalam pembelajaran akan menghasilkan pengajaran berpusatkan murid.	4.17	.919	Tinggi
Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think akan dapat menjadikan proses pengajaran lebih menyeronokkan.	4.32	.879	Tinggi
Saya mendapati pengajaran menggunakan ez i-Think merupakan satu kaedah yang berkesan kerana saya dapat mengingat fakta penting.	4.17	.892	Tinggi
Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think akan membantu saya dalam membuat latihan dan ulangkaji dengan betul.	4.22	.936	Tinggi
Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think dapat menarik minat saya untuk belajar.	4.15	.853	Tinggi
Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think akan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi.	4.12	1.029	Tinggi
Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think akan memudahkan saya menguasai pembelajaran secara kolaboratif.	4.12	.927	Tinggi
Purata Min	4.18		

Analisis item yang bernombor 1 iaitu ‘Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think dalam pembelajaran akan menghasilkan pengajaran berpusatkan murid’. Min tahap kebolehgunaan ialah ($\mu=4.17$) dan nilai sisihan piawai $SP=.919$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa dengan menggunakan Ez i-Think dapat menghasilkan pengajaran yang berfokuskan murid. Ini adalah kerana murid diberikan tugas untuk menyiapkan projek dan modul.

Analisis item yang bernombor 2 iaitu ‘Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think akan dapat menjadikan proses pengajaran lebih menyeronokkan’. Min tahap kebolehgunaan ialah ($\mu=4.32$) dan nilai sisihan piawai $SP=.879$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa dengan menggunakan Ez i-Think dapat menghasilkan pengajaran yang menyeronokkan dan tidak membosankan.

Analisis item yang bernombor 3 iaitu ‘Saya mendapati pengajaran menggunakan ez i-Think merupakan satu kaedah yang berkesan kerana saya dapat mengingat fakta penting’. Min tahap kebolehgunaan ialah ($\mu=4.17$) dan nilai sisihan piawai $SP=.892$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa dengan menggunakan Ez i-Think membantu murid mengingat fakta penting. Ini adalah kerana sebelum membuat peta pemikiran i-Think murid terlebih dahulu perlu menyenaraikan fakta penting yang terdapat dalam tajuk. Proses ini menjadikan murid lebih cepat untuk mengingat fakta penting.

Analisis item yang bernombor 4 iaitu ‘Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think akan membantu saya dalam membuat latihan dan ulangkaji dengan betul.’. Min tahap

kebolegunaan ialah ($\mu=4.22$) dan nilai sisihan piawai $SP=.936$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa dengan menggunakan Ez i-Think membantu murid membuat latihan dan ulangkaji dengan betul. Ini adalah kerana murid telah melalui proses menganalisis ketika membuat projek peta pemikiran i-Think.

Analisis item yang bernombor 5 iaitu ‘Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think dapat menarik minat saya untuk belajar’. Min tahap kebolegunaan ialah ($\mu=4.15$) dan nilai sisihan piawai $SP=.853$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa dengan menggunakan Ez i-Think membantu murid lebih berminat untuk belajar. Ini disebabkan murid telah diberikan panduan untuk membuat nota dengan menggunakan peta pemikiran i-Think.

Analisis item yang bernombor 6 iaitu ‘Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think akan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi.’. Min tahap kebolegunaan ialah ($\mu=4.12$) dan nilai sisihan piawai $SP=1.029$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa dengan menggunakan Ez i-Think membantu murid berfikir dengan lebih baik. Ini adalah kerana peta pemikiran i-Think telah dibina berasaskan lapan alat berfikir. Sebelum menggunakan alat berfikir tersebut murid terlebih dahulu perlu memilih untuk menggunakannya dengan konsep yang betul.

Analisis item yang bernombor 7 iaitu ‘Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think akan memudahkan saya menguasai pembelajaran secara kolaboratif.’. Min tahap kebolegunaan ialah ($\mu=4.12$) dan nilai sisihan piawai $SP=.927$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa dengan menggunakan Ez i-Think membantu murid bekerjasama dalam membuat projek. Murid akan dipecahkan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan akan mendapat subtopik. Ini akan memupuk semangat bekerjasama di kalangan murid.

Kesimpulannya, nilai purata min keseluruhan bagi konstruk kebolegunaan ez i-Think terhadap pengajaran dan pembelajaran di rumah adalah 4.18. Hasil kajian ini menunjukkan konstruk kebolegunaan ez i-Think mempunyai tahap yang tinggi bagi tahap kebolegunaan ez i-Think dan menentukan penggunaan ez i-Think dalam PdPr.

Tahap Kemudahan Ez i-Think Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah

Jadual 1.4 menunjukkan nilai purata dan sisihan piawai untuk analisis deskriptif ke atas lima item bagi mengukur konstruk kemudahan ez i-Think. Berdasarkan konstruk kemudahan ez i-Think dalam jadual 1.4 di bawah, analisis deskriptif menunjukkan lima item kemudahan ez i-Think berada di tahap yang tinggi.

Jadual 1.4: Tahap Kemudahan ez i-Think

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
1. Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think memudahkan murid dalam membuat nota dengan cepat dan betul.	4.32	.907	Tinggi

2. Saya percaya penggunaan ez i-Think mudah digunakan pada setiap pelajar murid sekolah menengah.	4.22	.852	Tinggi
3. Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think dapat memudahkan dalam peningkatan kemahiran berfikir aras tinggi.	4.02	.987	Tinggi
4. Saya percaya pembelajaran menggunakan ez i-Think merupakan satu kaedah pembelajaran yang mudah digunakan oleh murid ketika membuat ulangkaji.	4.46	.840	Tinggi
5. Saya suka idea pengajaran dan pembelajaran menggunakan ez i-Think kerana ia mudah.	4.24	.916	Tinggi
Purata Min	4.25		

Analisis item yang bernombor 1 iaitu ‘Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think memudahkan murid dalam membuat nota dengan cepat dan betul.’. Min tahap kebolegunaan ialah ($\mu=4.32$) dan nilai sisihan piawai $SP=.907$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa dengan menggunakan Ez i-Think membantu murid membuat nota dengan betul dan cepat. Ini adalah kerana peta pemikiran hanya ada lapan alat berfikir.

Analisis item yang bernombor 2 iaitu ‘Saya percaya penggunaan ez i-Think mudah digunakan pada setiap pelajar murid sekolah menengah.’. Min tahap kebolegunaan ialah ($\mu=4.22$) dan nilai sisihan piawai $SP=.892$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa dengan menggunakan Ez i-Think membantu murid mengingat fakta penting. Ini adalah kerana sebelum membuat peta pemikiran i-Think murid terlebih dahulu perlu menyenaraikan fakta penting yang terdapat dalam tajuk. Proses ini menjadikan murid lebih cepat untuk mengingat fakta penting.

Analisis item yang bernombor 3 iaitu ‘Saya percaya dengan menggunakan ez i-Think dapat memudahkan dalam peningkatan kemahiran berfikir aras tinggi.’. Min tahap kebolegunaan ialah ($\mu=4.02$) dan nilai sisihan piawai $SP=.987$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa dengan menggunakan Ez i-Think memudahkan murid untuk meningkatkan kemahiran berfikir.

Analisis item yang bernombor 4 iaitu ‘Saya percaya pembelajaran menggunakan ez i-Think merupakan satu kaedah pembelajaran yang mudah digunakan oleh murid ketika membuat ulangkaji’. Min tahap kebolegunaan ialah ($\mu=4.46$) dan nilai sisihan piawai $SP=.840$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa dengan menggunakan Ez i-Think membantu murid membuat ulangkaji dengan mudah. Ini adalah kerana semua nota dalam tajuk berkenaan telah tersusun dan terancang.

Analisis item yang bernombor 5 iaitu ‘Saya suka idea pengajaran dan pembelajaran menggunakan ez i-Think kerana ia mudah’. Min tahap kebolegunaan ialah ($\mu=4.24$) dan nilai sisihan piawai $SP=.916$. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid bersetuju bahawa idea menggunakan peta pemikiran i-Think membantu murid menguasai pelajaran.

Kesimpulannya, nilai purata min keseluruhan bagi kemudahan ez i-Think adalah 4.25. Hasil kajian ini menunjukkan konstruk kemudahan ez i-Think terhadap pengajaran dan pembelajaran di rumah mempunyai tahap yang tinggi bagi dalam menentukan penggunaan ez i-Think.

ANALISIS INFERENSI

Perbandingan Perbezaan Kebolehgunaan dan Kemudahgunaan Ez i-Think Berdasarkan Faktor Jantina

Berdasarkan Jadual 1.7, didapati nilai t bagi perbandingan tingkah laku antara murid lelaki dan murid perempuan ialah $t = .365$ Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 ($p = 0.163 > 0.05$). Hal ini bermaksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan min penggunaan ez i-Think antara murid lelaki (min = 4.30) dan murid perempuan (min = 4.08) berdasarkan jantina bagi kebolehgunaan ez i-Think terhadap pembelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 1.7: Perbezaan Kebolehgunaan Ez i-Think Berdasarkan Jantina

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	Nilai t
Bersandar		41		
Kebolehgunaan	Lelaki	18	4.30	.365
	Perempuan	23	4.08	

Berdasarkan Jadual 1.8, didapati nilai t bagi perbandingan tingkah laku antara murid lelaki dan murid perempuan ialah $t = .699$ Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 ($p = 0.163 > 0.05$). Hal ini bermaksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kemudahgunaan ez i-Think antara murid lelaki (min = 4.33) dan murid perempuan (min = 4.19) berdasarkan jantina bagi kemudahgunaan ez i-Think terhadap pembelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 1.8: Perbezaan Kemudahgunaan Ez i-Think Berdasarkan Jantina

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	Nilai t
Bersandar		41		
Kemudahgunaan	Lelaki	18	4.33	.699
	Perempuan	23	4.19	

Kajian Salina Md. Yunas dan Zamri Mahamod, (2017) juga ada menyatakan bahawa dapatan ujian-t tidak bersandar menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan jantina.

Ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak memberi perbezaan kepada penggunaan Ez i-Think. Ini adalah kerana Ez i-Think ternyata mempunyai tahap kebolehgunaan dan kemudahgunaan yang baik kepada semua murid.

PERBINCANGAN

Tahap kebolehgunaan ez i-Think adalah pada nilai purata min keseluruhan 4.18. Hal ini menunjukkan bahawa murid mempunyai tahap yang tinggi dalam kebolehgunaan ez i-Think. Penggunaan ez i-Think juga yang dapat menjadikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar, peningkatan kualiti pembelajaran, peningkatan pencapaian murid dan menjadikan

proses pembelajaran lebih berkesan. Justeru, penggunaan ez i-Think dapat membantu dalam peningkatan KBAT dalam kalangan murid. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kebolegunaan murid terhadap penggunaan ez i-Think adalah pada tahap yang baik. Murid bersetuju ez i-Think memberi kesan yang positif dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran serta mampu mengubah suasana pembelajaran agar lebih menyeronokkan. Kajian oleh Ahmad Fikri Ab. Rahman dan Zamri Mahamod (2019) juga menunjukkan teknik lakaran bersama peta alir i-Think mampu meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. Murid juga bermotivasi ketika mempelajari karangan, menjana imaginasi dan kreativiti murid, memperbaiki amalan pengajaran guru, meningkatkan prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu serta membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di sekolah. Dapat dinyatakan juga bahawa teknik Pdpc ini memberi suntikan semangat kepada pelajar dan mampu menarik minat mereka untuk belajar walau pun secara maya.

Manakala tahap kemudahan ez i-Think adalah pada nilai purata min keseluruhan 4.25. Hal ini menunjukkan bahawa murid mempunyai tahap yang tinggi dalam kemudahan ez i-Think. Ini disebabkan ez i-Think merupakan kaedah pembelajaran yang mudah digunakan dan memudahkan murid membuat latihan dalam kelas online semasa proses pengayaan. Murid juga mempunyai tahap yang sangat tinggi dalam kemudahan kerana penggunaan ez i-Think tidak memerlukan kemahiran yang tinggi dan memudahkan murid membuat analisis berdasarkan skor markah yang diperolehi. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kemudahan murid dalam penggunaan peta pemikiran i-Think adalah pada tahap yang sangat baik. Murid bersetuju ez i-Think mudah digunakan dalam pembelajaran dan mampu meningkatkan pencapaian mereka dalam kemahiran berfikir aras tinggi. Merujuk kepada kajian Sazilah Sam (2017) juga ada menjelaskan bahawa penggunaan modul i-Think dalam mempelajari Rumus Algebra memudahkan murid dalam menyiapkan tugas yang diberikan dengan betul. Secara tidak langsung kenyataan ini menguatkan lagi dapatan kajian ini. Aspek kemudahan ini juga amat membantu Pdpc guru dan pelajar dalam menyiapkan tugas mereka dengan penuh dedikasi dan dalam suasana yang ceria.

Kajian ini juga menunjukkan ez i-Think banyak memberi manfaat kepada murid sama ada bagi tujuan pembelajaran sendiri atau pembelajaran secara maya. Penggunaan ez i-Think sangat penting bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran kerana memudahkan murid untuk mempelajari sesuatu pelajaran serta menjadikan pembelajaran suatu proses yang bermakna dan menyeronokkan. Kemudahan jalur lebar dan sokongan peralatan juga turut memberi kesan kepada tingkah laku murid sama ada untuk meneruskan atau meninggalkan ez pemikiran i-Think. Dapatan kajian Rohaida Yusop et al. (2015) menjelaskan bahawa kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pengajaran guru masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengira aspek kemahiran berfikir yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian pelajar.

Aplikasi penggunaan peta pemikiran i-Think ini juga membolehkan guru mengambil peluang untuk melaksanakan pembelajaran kolaboratif dalam bilik darjah. Kaedah ini digunakan untuk membolehkan guru dan murid berinteraksi antara dua hala semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, ini akan mewujudkan hubungan kerja berpasukan dalam kalangan murid dan dapat memperkukuhkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid (Mustafa Che Omar, 2018).

Oleh itu, penggunaan ez i-Think ini merupakan sebahagian daripada teknik untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi di kalangan murid. Justeru guru perlu menguasai amalan penggunaan pelbagai kaedah kerana guru berperanan untuk mendidik seseorang individu untuk menjadi lebih baik dan memberikan penilaian terhadap murid (Aniza Ahmad & Zamri Mahamod, 2015). Berdasarkan perbincangan ini, dapat dinyatakan bahawa proses kemahiran berfikir aras tinggi amat memerlukan teknik-teknik yang membantu proses tersebut. Justeru, penggunaan ez i-Think ini boleh menjadi salah satu teknik yang diperlukan itu.

Dapatan kajian menunjukkan murid lelaki dan murid perempuan tidak mempunyai perbezaan pandangan dalam kebolegunaan, kemudahan dan penggunaan ez i-Think. Ini menunjukkan faktor jantina tidak mempunyai kepada penggunaan ez i-Think dalam pembelajaran.

Perubahan pembelajaran melalui penggunaan ez i-Think ini harus dilalui dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi mewujudkan pembelajaran abad ke-21 yang berpusatkan murid dan guru sebagai pemudahcara. Pengaplikasian ez i-Think harus ditekankan bagi menghasilkan murid yang kreatif, kritis dalam pemikiran mereka. Hal ini kerana, mereka perlu menghadapi perkembangan teknologi dan arus globalisasi dalam kehidupan mereka. Menurut Khalidah Othman, Saodah Ismail, Haslina Jaafar dan Aminah Samsudin, (2014) dapatan kajian menunjukkan pelajar bersetuju peta pemikiran i-Think diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi peta pemikiran i-Think membolehkan pelajar lebih kreatif, berani dan bersedia menggunakan pengurusan grafik dalam pengajaran dan pembelajaran.

Rumusannya ez i-Think mampu memberi impak kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di rumah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walaupun dengan pengajaran secara maya, guru masih boleh membantu murid meningkatkan kemahiran berfikir dan membantu pelajar dalam proses menyiapkan tugas pelajaran mereka di rumah dengan lebih kemas dan cepat. Kajian ini beranggapan jika teknik ini diguna pakai oleh pihak guru dan sekolah secara lebih menyeluruh sudah pasti dapat membantu peningkatan pencapaian pelajar dan mampu memberi suntikan motivasi kepada pelajar terutama ketika PdP secara maya.

KESIMPULAN

Ez i-Think bukanlah satu program baru namun telah diberi suntikan idea baharu dalam penggunaannya. Kajian ini mengharapkan agar peta pemikiran i-Think terus digunakan sebagai bahan bantu mengajar guru. Ini adalah kerana peta pemikiran i-Think tidak lagi sinonim dengan pengajaran secara formal sahaja. Malah telah menjangkau dengan lebih jauh lagi dengan gabungan quizz dan google classroom. Rentetan daripada penularan pandemik Covid 19 guru telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Justeru Ez i-Think mampu memenuhi kehendak guru untuk melaksanakan pengajaran berasaskan projek dan juga modul sama ada secara bersemuka mahu pun pengajaran dan pembelajaran secara maya. Di samping itu, pihak pentadbir sekolah, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri perlu menganjurkan lebih banyak kursus dan bengkel latihan tentang penggunaan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran bagi meningkatkan tahap kemahiran dan penggunaan peta pemikiran i-Think dalam kalangan guru.

RUJUKAN

- Ahmad Fikri Ab. Rahman, & Zamri Mahamod. (2019). Teknik Lakaran Bersama Peta Alir i-Think Meningkatkan Kemahiran Menjana Idea Murid Lun Bawang Dalam Karangan Autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM* 9(2): 12-22.
- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod. (2015). Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berdasarkan Jantina, Opsyen dan Tempat Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(1): 18-29.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Program i-Think: Membudayakan Kemahiran Berfikir*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Davis, F. D. (1989). Davis 1989.pdf. In Information Technology. <https://doi.org/10.2307/249008>. 1/6/2021
- Khalidah Othman, Saodah Ismail, Haslina Jaafar, & Aminah Samsudin. (2014). Kajian tinjauan : aplikasi Peta Pemikiran i-Think dalam pengajaran dan pembelajaran literasi nombor. *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN* 31: 147–152.
- Mohd Majid, K. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Edisi ke-3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Che Omar. (2018). Metodologi Berfikir Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc) Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat). 321 | *MEDC 2018 Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018 Penyunting: Rahimah Embong, Hanif Md Lateh @ Junid, Mustafa Che Omar, Mohamad Zaidin Mohamad & Abdul Hakim Abdullah EISBN 978-967-2231-03-5 (2018)*, <Http://Www.Unisz>.
- Normah Zakaria, Azita Ali, N. I. H. (2018). Aplikasi Peta Pemikiran I-Think Dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Online Journal for TVET Practitioners* 3(2): 19-26.
- Rohaida Yusop, & Zamri Mahamod. (2015). Keberkesanan Peta Pemikiran (i-Think) Dalam Meningkatkan Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 6. *Malay Language Education Journal – MyLEJ* 5(2): 31-37.
- Rosnidar Mansor, Haeidatul Nashirah, Norazilawati Abdullah, & Nik Azmah Nik Yussuf. (2015). Keberkesanan penggunaan I-Think terhadap pencapaian dan minat murid dalam tajuk sifat bahan, Sains Tahun 4. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia* 5(2): 98–116.
- Salina Md. Yunas, & Zamri Mahamod. (2017). Tahap Kesiediaan, Sikap dan Amalan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran I-Think. *Seminar Serantau UKM* 1/9/2017
- Sazilah Sam. (2017). *Pembinaan dan Pengujian Modul i-Think Matematik Tingkatan Tiga bagi Tajuk Rumus Algebra*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Fatimah Ahmad, & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2): 53-64.